

**Parlimen: Sistem 'Triage' Atasi Tempoh Menunggu Lama Di Jabatan Kecemasan -
Rosnah
Bernama
11 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Kementerian Kesihatan melaksanakan aplikasi sistem saringan 'Triage' bagi menangani isu tempoh menunggu yang lama di Jabatan Kecemasan di hospital.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata menerusi sistem itu, pesakit akan disaring mengikut tiga zon iaitu tidak kritikal (zon hijau), separa kritikal (zon kuning) dan kritikal (zon merah).

"Bagi zon hijau, waktu maksimum menunggu adalah 90 minit, zon kuning maksimum 15 minit manakala zon merah tiada langsung (masa menunggu). Pesakit dalam zon kritikal dikendalikan serta-merta sebaik tiba ke hospital," katanya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau menjawab soalan Amran Ab Ghani (PKR-Tanah Merah) yang ingin tahu langkah kementerian mengatasi masalah lewat memberi layanan dan rawatan di Jabatan Kecemasan yang dikatakan menimbulkan kesulitan kepada pesakit.

Rosnah berkata waktu menunggu zon hijau di Malaysia adalah lebih singkat berbanding 120 minit yang diamalkan beberapa negara lain menerusi sistem sama.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701160>